

12 SEP 2003

Bajet-Reaksi (Negeri)/I

BELANJAAN 2004 RANGSANG AGENDA PEMBANGUNAN

KOTA KINABALU, 12 Sept (Bernama) -- Pelbagai pihak menyambut baik Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen hari ini, dengan harapan ia akan membantu agenda pembangunan negara.

Ketua Menteri Datuk Musa Aman memberitahu pemberita di sini ia akan membantu mempercepatkan agenda pembangunan Sabah kerana ia selaras dengan halatuju pembangunan Sabah yang memberi penekanan pada sektor pertanian, pelancongan dan perkilangan.

Musa yang juga Menteri Kewangan Negeri berkata belanjawan itu yang memperuntukan RM5.9 bilion bagi Sabah juga dijangka meningkatkan pelaburan terus domestik (DDI) ke negeri itu.

Di KUCHING, para pemimpin politik Sarawak menyambut baik Bajet 2004 dengan keyakinan ia akan terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Datuk Seri Dr James Masing berkata ianya bukan sahaja bajet mesra peniaga tetapi juga mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pengusaha industri mengembangkan perniagaan mereka.

"Kita harus mengambil perhatian terhadap nasihat kerajaan supaya tidak bergantung berlebihan kepada pelaburan terus asing (FDI) tetapi sebaliknya memberi tumpuan kepada meningkatkan pelaburan terus domestik (DDI)," katanya kepada Bernama.

Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Dr Judson Sakai Tagal berkata beliau gembira dengan Bajet 2004 yang memberi penekanan kepada pembangunan kawasan pedalaman di Sarawak di samping usaha meningkatkan tahap pendidikan.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim menyifatkan bajet 2004 yang dibentangkan hari ini sebagai bajet untuk masa kini dan akan datang.

Katanya, bajet yang dibentangkan buat kali terakhir oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan meninggalkan kenangan luar biasa kepada rakyat.

Shahidan percaya pasaran saham akan melambung dengan pembentangan bajet itu.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata bajet itu penuh bermakna bagi negeri Kedah kerana sektor pertanian, yang merupakan sumber utama pendapatan negeri ini boleh mengambil kesempatan daripada peruntukan RM1 billion menerusi Skim Kredit Mikro.

Skim itu akan memberi faedah segera kepada 130,000 keluarga petani di negeri ini, dengan mereka boleh membabitkan diri dengan program satu kampung satu produk.

Di PULAU PINANG, Timbalan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMP) Haji Abdul Rafique Karim menyifatkan bajet itu sebagai komprehensif dan realistik dalam persediaan menghadapi cabaran WTO dan AFTA.

Katanya, industri kecil dan sederhana (IKS) dan usahawan kecil Bumiputera daripada pelbagai sektor serta peniaga kecil perlu merebut pelbagai insentif yang disediakan.

Beliau berkata, usaha kerajaan menggalakkan penghasilan barangan jenama Malaysia, mengeksport barangan yang dikeluarkan sendiri, menggalakkan sektor swasta untuk menghasilkan barangan keluaran sendiri yang mempunyai rekaan bernilai tinggi, bermula daripada penyelidikan, penggunaan

bahan-bahan dan logistik tempatan perlu disambut baik oleh semua pihak.

Di IPOH, Naib Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah berkata bajet itu amat bertepatan dengan usaha kerajaan meningkatkan taraf ekonomi rakyat dan usahawan Bumiputera di negara ini.

"Dengan adanya rancangan membina kemudahan seperti itu, ia sebenarnya memberikan ruang nafas kepada ramai usahawan dan kontraktor bumiputera terutama kontraktor-kontraktor kecil," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Gerakan, Datuk Chang Ko Youn berkata bajet ini meletakkan Malaysia di landasan yang sepatutnya.

"Dulu kita bergantung kepada sektor pembuatan tetapi sekarang sudah banyak kepelbagaian terutama dengan pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Inilah yang sepatutnya berlaku dengan insentif diberi dalam sektor perkhidmatan kerana ia boleh mengukuhkan lagi ekonomi.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata Bajet 2004 membuktikan kemampuan dan kredibiliti kerajaan yang memerintah negara ini.

Ia juga katanya menggambarkan kejayaan Perdana Menteri menerajui negara tanpa timbul sebarang masalah kewangan yang teruk sehingga boleh menyebabkan kesan buruk kepada rakyat dan negara.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyifatkan Bajet 2004 sebagai seimbang, dan dapat membantu menjana ekonomi rakyat termiskin dan penduduk di kawasan luar bandar.

Beliau berkata selain itu, dengan peruntukan yang tinggi dalam bidang pendidikan termasuk menyediakan pelbagai tabung untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan rakyat, diharap memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Terutamanya dalam bidang Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT), ia diharap dapat melahirkan lebih ramai pelajar di peringkat sarjana dan kedoktoran supaya dapat membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata pewujudan perbankan pesisiran pantai di bandaraya ini seperti yang dinyatakan dalam bajet 2004 akan menjadikan Johor Baharu sebagai pusat kewangan antarabangsa.

Abdul Ghani yakin perbankan pesisiran pantai itu akan dapat menarik perbankan antarabangsa ke negeri ini yang menawarkan pelbagai kemudahan yang kompetitif termasuk daripada segi kos pengurusan dan perkhidmatan.

"Kita mempunyai pelbagai kemudahan ruang pejabat, kediaman dan pusat rekreasi yang bertaraf dunia seperti yang sedang dibangunkan di Dangga Bay di pantai Lido di sini," katanya sambil menambah terdapat juga kemudahan sekolah bertaraf antarabangsa bagi memenuhi keperluan rakyat asing.

Di KOTA BAHRU, Naib Pengerusi Persatuan Pelancongan Negeri Kelantan, Mustapa Ibrahim berkata apa yang ditumpukan oleh Perdana Menteri ialah seluruh rakyat terutama golongan miskin mendapat faedah daripada bajet itu.

"Begitu juga dengan nasib golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendapat peruntukan lebih seperti peluang memegang jawatan dalam agensi kerajaan," katanya ketika ditemui.

Mustapa juga berkata penubuhan badan pengawal dan tabung dalam mempromosi pelancongan menampakan kerajaan benar-benar ingin membantu usahawan itu terlibat lebih serius dalam industri pelancongan.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh menyifatkan bajet kali ini lebih mesra pelajar dengan pelbagai insentif yang diberikan kepada golongan berkenaan.

"Kelonggaran yang diberikan kepada pelajar menggambarkan bahawa ianya Mesra Pelajar, manakala golongan berpendapatan rendah juga terus mendapat pembelaan melalui kemudahan perumahan dan Skim Mikro Kredit," katanya.

Sementara itu "Apa yang penting ialah kerajaan Barisan Nasional sentiasa menggunakan pendekatan terbaik bagi faedah rakyat," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, dengan satu perempat daripada keseluruhan bajet diperuntukan kepada sektor pendidikan, ia pasti dapat membantu meningkatkan tahap pendidikan di negara ini.

Lebih membanggakan lagi katanya apabila kerajaan bersetuju menurunkan caj perkhidmatan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat peratus kepada tiga peratus.

-- BERNAMA

AYB HIS PR